

27 AUG 2001

Malaysia-Indonesia

KL-JAKARTA TINGKAT KESELAMATAN ATASI PENGANAS DAN EKSTRIMIS

PUTRAJAYA, 27 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia hari ini bersetuju meningkatkan kerjasama agensi yang bertanggungjawab memantau dan mengawal keselamatan di kedua-dua negara bagi menangani masalah keganasan dan kegiatan pelampau.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri pada mesyuarat mereka di sini bersetuju supaya agensi keselamatan kedua-dua negara bertukar-tukar maklumat dan mengambil tindakan awalan bagi membendung kegiatan keganasan di rantau ini.

Beliau berkata Dr Mahathir dan Megawati membincangkan mengenai kecenderungan dan wujudnya kumpulan penganas atau pelampau yang mempunyai rangkaian yang merentasi sempadan, semasa pertemuan kedua-dua pemimpin itu di sini.

Megawati yang tiba hari ini bagi lawatan dua hari ke Malaysia mengadakan perbincangan selama sejam dengan Dr Mahathir.

Syed Hamid berkata kedua-dua pemimpin memberi penekanan kepada pentingnya kerjasama yang rapat bagi memastikan keselamatan kedua-dua negara dan mengelakkannya daripada menjadi satu perkara yang menyusahkan kedua-dua negara atau negara di rantau ini.

"Perdana Menteri beri maklumat yang ada berkenaan KMM (Kumpulan Militan Malaysia) dan Indonesia pun memerlukan maklumat berkenaan kerana kadang-kala Malaysia disalahgunakan oleh kumpulan tertentu... dan kumpulan ini turut dianggotai oleh rakyat dari Indonesia dan negara lain," katanya kepada wartawan selepas pertemuan Dr Mahathir dan Megawati itu.

Pertemuan itu turut dihadiri Syed Hamid dan Menteri Luar Indonesia Noer Hassan Wirajuda.

Awal bulan ini polis Malaysia menahan 10 orang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dipercayai terbabit dalam kegiatan KMM yang dianggap mengancam keselamatan negara.

Sementara itu seorang rakyat Malaysia, Taufik Abdul Halim, 26, yang ditahan di Indonesia kerana dipercayai terbabit dalam pengeboman dua buah gereja dan sebuah pusat membeli-belah di Jakarta baru-baru ini, dilaporkan mengakui bahawa dia adalah anggota KMM dan turut bergiat di Filipina selain di Malaysia dan Indonesia.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir dan Megawati melahirkan kekhuatiran mereka mengenai kegiatan penganas dan ekstremis, khususnya yang mengandungi elemen Islam yang melibatkan kawasan di Selatan Thailand, Malaysia dan Indonesia.

Menurutnya kedua-dua pemimpin itu berpendapat bahawa dengan kerjasama dan pertukaran maklumat risikan di antara agensi Malaysia dan Indonesia, ia akan dapat membantu mencegah dan membanteras kegiatan sedemikian.

"Kadang kala Malaysia digunakan sebagai negara untuk orang menyeludup orang, menyeludup narkotik dan kini menyeludup senjata. Kita sentiasa mengawasi dan mengambil tindakan tegas terhadap kumpulan ini," katanya.

Syed Hamid berkata Megawati turut mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir dan kerajaan Malaysia kerana tetap dengan pendirian untuk tidak menyokong gerakan pemisah Aceh, yang ingin mendapatkan kebebasan autonomi daripada kerajaan Indonesia.

Perbincangan antara Dr Mahathir dan Megawati turut menyentuh tentang pekerja Indonesia di Malaysia, perbatasan sempadan kedua-dua negara, ruang udara, pelabuhan serta kerjasama ekonomi bagi mempelbagaikan sumber tenaga.

Selain itu kedua-dua pemimpin juga membincangkan mengenai perkembangan ekonomi, keselamatan dan hubungan dua hala antara kedua-dua negara serta kerjasama Asean dan serantau, katanya.

Mengenai pekerja Indonesia di Malaysia, Syed Hamid berkata Malaysia mahu supaya pekerja negara itu memasuki negara ini dengan mematuhi peraturan dan saluran yang sah bagi memastikan mereka dapat dilindungi dan tidak dieksploitasi pihak tertentu.

"Presiden Indonesia bersetuju supaya situasi berkenaan dan pekerja ini ditangani dengan baik dan sempurna kerana Indonesia tahu ramai rakyatnya berminat untuk bekerja di negara ini," katanya.

Syed Hamid berkata Megawati turut menyatakan hasratnya supaya mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia ditingkatkan penggunaannya dan dijadikan sebagai satu mekanisme yang berkesan bagi menyelesaikan pelbagai masalah di antara kedua-dua negara.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin juga bersetuju supaya diadakan pertukaran lawatan pada setiap tahun di antara Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Indonesia serta di peringkat menteri dan pegawai.

Megawati, yang sedang dalam rangka lawatan suaikenal lapan hari ke negara-negara anggota Asean, turut menyampaikan jemputan kepada Yang di-Pertuan Agong dan Dr Mahathir untuk melawat Indonesia.

Lawatan Presiden Indonesia ke Malaysia, yang merupakan destinasi terakhirnya, bertujuan untuk meningkatkan hubungan dengan pemimpin-pemimpin negara Asean.

-- BERNAMA

HS DC RON